

01/04/2000

Peguam diarah serah sendiri affidavit kepada PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mahkamah Tinggi hari ini, memerintahkan peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim, S N Nair menyerahkan sendiri affidavit bekas Timbalan Perdana Menteri itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hakim Datuk Ariffin Jaka, berkata peguam bela itu boleh berbuat demikian kerana affidavit berkenaan sudah dikemukakan kepada mahkamah.

Katanya, Nair akan dibantu oleh seorang pegawai polis bagi tujuan penyerahan affidavit berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, terpulang kepada Dr Mahathir untuk menjawab atau tidak.

Katanya, jika Dr Mahathir memutuskan untuk menjawab affidavit itu, mahkamah memberinya masa sehingga jam 4 petang, 4 April ini.

Ariffin berkata, beliau mengeluarkan perintah berkenaan kerana affidavit Anwar itu tidak diserahkan kepada Dr Mahathir dan tidak ada sebarang affidavit jawapan daripada Perdana Menteri.

Beliau berkata affidavit itu dirujuk oleh peguam bela Anwar, Karpal Singh ketika berhujah dan sepatutnya Dr Mahathir diserahkan affidavit itu untuk mengetahui kandungannya.

Katanya, mahkamah hanya akan mendengar hujah sambungan Timbalan Kanan Pendakwaraya, Datuk Abdul Gani Patail selepas proses penyerahan itu selesai.

Sementara itu, Nair ketika dihubungi petang ini, mengesahkan sudah menyerahkan affidavit itu kepada seorang pegawai di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya pada jam 4.40 petang ini.

Hari ini, Abdul Gani sepatutnya menyambung hujah berhubung sama ada Dr Mahathir perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi pembela kerana keterangannya tidak mempunyai kaitan dengan kes yang dibicarakan itu.

Pada 9 Mac lalu, Anwar mengemukakan affidavit setebal 10 halaman yang menyatakan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan itu.

Sebelum itu, pada 18 Februari lalu, Ariffin memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Sementara itu, Ariffin menetapkan Selasa ini untuk mendengar permohonan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin bagi mengetepikan sapa untuk hadir sebagai saksi.

Beliau membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan peguam bela Daim dan Abdul Aziz, Ng Aik Guan yang memerlukan masa untuk menjawab affidavit Anwar.

Ng berkata beliau baru menerima affidavit jawapan Anwar pagi ini dan perlu mendapat arahan seterusnya daripada Abdul Aziz.

Mengenai affidavit Daim, katanya, beliau baru menyerahkan affidavit Daim bagi menjawab affidavit jawapan Anwar kepada Karpal pagi ini.

Karpal memberitahu mahkamah beliau memerlukan masa untuk meneliti affidavit itu dan jika ada perkara baru berbangkit, pihaknya akan memfailkan affidavit pagi Isnin ini.

Sebelum perbicaraan ditangguhkan Isnin ini, Ariffin mengingatkan pembela supaya bersedia dengan saksi lain untuk memberi keterangan supaya kes itu dapat diselesaikan segera.

Katanya, beliau tidak mahu mendengar alasan untuk penangguhan kerana peguam bela terbabit untuk menyoal saksi pembela tidak ada di mahkamah.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan Nair supaya bersedia mengambil alih tugas Gurbachan Singh jika peguam berkenaan tidak dapat hadir Isnin ini.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)